



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH BILANGAN 2 TAHUN 2014

PROSEDUR OPERASI SERAGAM – PERKHIDMATAN PENYELAMATAN DAN PERAWATAN KECEMASAN BERSAMA JENTERA EMRS

Diedarkan kepada:

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah
Semua Penolong Ketua Pengarah/Pengarah
Semua Pengarah Negeri
Semua Komandan
Semua Pegawai Memerintah
Semua Ketua Zon
Semua Ketua Balai

Bahagian II : Pemadam / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 1 daripada 17

1. PENGENALAN

Perkhidmatan Penyelamatan dan Perawatan Kecemasan “*Emergency Medical And Rescue Services*” (EMRS) merupakan sebahagian dari tugas dan tanggungjawab pegawai bomba semasa operasi kebakaran dan penyelamatan. Pasukan EMRS berfungsi untuk melaksanakan rawatan perubatan kecemasan kepada anggota bomba dan anggota penyelamat di tempat operasi serta mengeluarkan mangsa yang cedera daripada zon merah dan merawat mangsa yang mengalami kecederaan di tempat kejadian.

Jentera EMRS yang dilengkapi dengan kemudahan perawatan awal akan mengendalikan urusan penghantaran mangsa dari tempat kejadian ke pusat perubatan untuk rawatan lanjut.

2. OBJEKTIF

Prosedur Operasi Seragam (POS) ini adalah sebagai panduan dan rujukan kepada pasukan EMRS mengenai:-

- 2.1. Peranan, tugas dan tanggungjawab Pasukan EMRS;
- 2.2. Tatacara pengoperasian keluaran Pasukan EMRS sebelum, semasa dan selepas menghadiri operasi;
- 2.3. Tatacara pengurusan Pasukan EMRS di tempat operasi;
- 2.4. Tatacara pemindahan mangsa atau pesakit ke pusat perubatan; dan
- 2.5. Pengurusan selengaraan peralatan dan jentera EMRS.

Bahagian II : Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 2 daripada 17

3. TAFSIRAN

3.1. Pegawai EMRS

Pegawai yang telah dilatih dan ditauliahkan oleh “*Malaysian Association of Traumatology and Emergency Medicine*” (MASTEM) atau mana mana badan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau memiliki kelayakan dalam bidang perawatan kecemasan yang diiktiraf oleh Jabatan.

3.2. Jentera EMRS

Bermaksud kenderaan yang lengkap dengan peralatan perawatan perubatan kecemasan peringkat awal dan peralatan menyelamat asas yang digunakan semasa operasi untuk menyelamat atau merawat mangsa serta menghantar mangsa atau pesakit ke hospital sekiranya perlu.

3.3. Keluaran EMRS

Kehadiran Pasukan EMRS untuk setiap panggilan kecemasan berdasarkan norma keluaran pasukan yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

3.4. Pembantu Penyelia Pasukan (EMRS)

Pegawai atau anggota terkanan dari segi pangkat dalam Pasukan EMRS di balai. Pegawai ini akan membantu Ketua Balai dalam menguruskan Pasukan EMRS.

Bahagian II : Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 3 daripada 17

3.5. Buku Log EMRS

Bermaksud buku bagi merekod latihan berdasarkan modul-modul yang ditetapkan atau aktiviti operasi yang dihadir oleh anggota EMRS atau lain lain rekod yang perlu.

3.6. KKM

Kementerian Kesihatan Malaysia

3.7. Mangsa

Seseorang yang mengalami kecederaan samada terdiri daripada anggota penyelamat atau orang awam di tempat kejadian.

3.8. Pesakit

Orang yang tidak sihat yang memerlukan perawatan dalam kes bukan kecemasan.

4. BIDANG KUASA

4.1. Akta Perkhidmatan Bomba 1988: *Bahagian II, Seksyen 5;*

(1) *Tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat hendaklah termasuk –*
 (a) *mengambil langkah yang sah bagi –(ii) melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran; dan*
 (c) *melaksanakan khidmat kemanusiaan, termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlakunya apa-apa bencana.*

4.2. Arahan MKN No.20 (Semakan Semula);

Bahagian II : Pemadam / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 4 daripada 17

5. NORMA KELUARAN PASUKAN

- 5.1. Jentera EMRS akan keluar sebagai “turn out” bersama jentera pemadam/penyelamat keluaran pertama berdasarkan panggilan kecemasan.
- 5.2. Norma komposisi pasukan EMRS adalah seperti berikut:

Bil	Anggota	Gred Jawatan	Jumlah anggota
1	Ketua Keluaran EMRS	KB22/KB17	1
2	Pegawai EMRS	KB17	2
3	Pemandu EMRS	KB17	1
JUMLAH			4

- 5.3. Bagi balai-balai yang diwujudkan keluaran EMRS tanpa perjawatan khusus, kaedah pengoperasian adalah seperti berikut;
 - 5.3.1. Perlu mempunyai 3 anggota yang dilantik sebagai pegawai EMRS bagi setiap pasukan.
 - 5.3.2. Penolong penyelia pasukan (EMRS) boleh dilantik dikalangan pegawai EMRS yang terkanan.
 - 5.3.3. Jentera EMRS boleh beroperasi dengan keanggotaan minimum seramai 2 orang (termasuk pemandu).

Bahagian II : Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 5 daripada 17

6. KELAYAKAN DAN KOMPETENSI PEGAWAI EMRS

- 6.1. Sebelum dilantik, anggota EMRS perlu menghadiri dan lulus dengan jayanya kursus Emergency Medical Trauma Technician Basic (Teori) dan juga perlu melakukan penempatan praktikal di Jabatan Kecemasan, di mana mana hospital kerajaan selama 120 jam. Kursus ini akan dikendalikan oleh mana-mana agensi yang diiktiraf oleh KKM.
- 6.2. Pegawai bomba yang akan dilantik sebagai anggota EMRS hendaklah menjalani pemeriksaan tahap kesihatan, ujian air kencing/*drug test* dan pemeriksaan/perakuan fizikal oleh doktor perubatan kerajaan.
- 6.3. Anggota bomba yang telah dilantik dan ditauliah sebagai anggota EMRS, perlu menjalani latihan pengukuhan bulanan sebanyak 20 jam mengikut modul yang terkandung dalam Buku Log EMRS.

7. PERANAN PASUKAN EMRS

- 7.1. Melaksanakan tugasan pemadaman, penyelamatan dan khidmat khas atau lain lain tugasan mengikut arahan Ketua Pasukan;
- 7.2. Memberi perkhidmatan rawatan kecemasan awal kepada mangsa atau anggota / petugas yang tercedera di tempat kejadian/bencana dan sekiranya perlu menghantar ke pusat perubatan untuk rawatan lanjut;
- 7.3. Melakukan pemeriksaan tahap kesihatan yang asas kepada semua anggota penyelamat sebelum dan selepas operasi atau semasa latihan termasuk bersedia di tempat latihan;

Bahagian II : Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 6 daripada 17

- 7.4. Memberikan perkhidmatan khidmat khas EMRS kepada agensi, kumpulan, pertubuhan dan persatuan yang menganjurkan aktiviti-aktiviti berkumpulan dan kemasyarakatan. Sebarang bayaran terhadap perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada prosedur Perkhidmatan Khas Berbayar yang ditetapkan oleh Jabatan.
- 7.5. Pasukan EMRS boleh digerakkan untuk kes yang mana hanya memerlukan perkhidmatan untuk memindahkan pesakit ke pusat rawatan perubatan dengan permohonan daripada pihak KKM. Sekiranya terdapat permohonan individu bagi penghantaran pesakit dari kediaman ke pusat kesihatan, ketua pasukan/PGO perlu merujuk kepada KKM atau pusat kesihatan yang berhampiran untuk mendapatkan kebenaran.

8. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- 8.1. Pasukan EMRS dikawal selia oleh penyelia pasukan di balai pada hari bertugas.
- 8.2. Tugas dan tanggungjawab Pembantu Penyelia Keluaran (EMRS) adalah:
- 8.2.1. Membantu Ketua Balai dalam menyelaras program latihan di balai dan pengurusan keanggotaan pasukan EMRS;
 - 8.2.2. Memastikan setiap peralatan EMRS berada dalam keadaan mencukupi dan baik. Sekiranya terdapat kerosakan, laporkan kepada Ketua Balai dengan segera;
 - 8.2.3. Sekiranya terdapat penggunaan peralatan EMRS kepada mangsa atau pesakit sewaktu pemindahan ke hospital,

Bahagian II : Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 7 daripada 17

penggantian semula peralatan hendaklah dilakukan dengan pihak hospital terlibat;

- 8.2.4. Menyediakan rekod dan menyimpan maklumat operasi yang dihadiri oleh jentera EMRS dan lain-lain maklumat yang perlu untuk laporan; dan
 - 8.2.5. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan.
- 8.3. Tugas dan tanggungjawab Pegawai EMRS:
- 8.3.1. Bertanggungjawab untuk menghadiri kejadian kecemasan dan melakukan penyelamatan dan perawatan kepada mangsa;
 - 8.3.2. Menghadiri dan melaksanakan program latihan telah dirancang bagi memastikan tahap kemahiran, pengetahuan serta kecerdasan fizikal berada pada tahap optimum;
 - 8.3.3. Memaklumkan kerosakan dan ketidakcukupan peralatan EMRS kepada Penyelia / Ketua Keluaran EMRS untuk tindakan selanjutnya;
 - 8.3.4. Merekod dan menyimpan maklumat operasi yang dihadiri oleh pasukan EMRS dan lain-lain data yang diperlukan untuk laporan;
 - 8.3.5. Bertanggungjawab memastikan kebersihan jentera EMRS dan peralatan mencukupi dan boleh digunakan; dan

Bahagian II : Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 8 daripada 17

8.3.6. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan.

8.4. Tugas & tanggungjawab Pemandu Jentera EMRS dilantik:

- 8.4.1. Bertanggungjawab untuk mengendalikan jentera EMRS untuk menghadiri kejadian kecemasan serta melakukan penyelamatan dan perawatan kepada mangsa;
- 8.4.2. Memastikan jentera EMRS sentiasa berada dalam keadaan bersedia dan baik untuk digerakkan melalui pemeriksaan dan penyelenggaraan jentera secara berkala, dengan mengemaskini “*Checklist Peralatan Jentera EMRS*” seperti di **Lampiran 1**.
- 8.4.3. Mempunyai kemahiran dan pengetahuan tentang laluan-laluan di dalam kawasan jagaan balai “station ground” dan “turn out area”.
- 8.4.4. Memaklumkan kerosakan jentera EMRS kepada Ketua Keluaran EMRS untuk diperbaiki sekiranya tidak mampu untuk mengatasi masalah tersebut;
- 8.4.5. Melakukan pembersihan atau nyahcemaran terhadap peralatan dan ruang untuk menempatkan pesakit setiap kali selesai menghadiri operasi bagi jentera dan peralatan-peralatan yang diguna yang mungkin tercemar; dan
- 8.4.6. Melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan dan yang diarahkan.

Bahagian II : Pemadam / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 9 daripada 17

9. TINDAKAN PENGURUSAN OPERASI

9.1. Perintah Dan Kawalan

- 9.1.1. Pasukan EMRS adalah diletakkan di bawah tanggungjawab dan kawalan Ketua Balai, Penolong Pengarah Operasi Negeri (PPON) dan Pengarah Bomba Negeri.
- 9.1.2. Semasa menghadiri operasi kecemasan, pasukan EMRS hendaklah bekerja di bawah Komander Operasi / Insiden Komander bagi penyelarasan penugasan.
- 9.1.3. Apabila melibatkan operasi bencana berskala besar, pasukan EMRS hendaklah bekerja di bawah Komander Operasi / Insiden Komander bagi penyelarasan penugasan di tempat kejadian bersama agensi perubatan yang lain.
- 9.1.4. Bagi urusan pemindahan pesakit semasa bukan kejadian atau bencana, Pasukan EMRS hanya menerima arahan dari Jabatan Kecemasan / Ambulan dari KKM.
- 9.1.5. Sekiranya sewaktu dalam perjalanan menghadiri panggilan kecemasan terserempak dengan kes kecemasan yang lain, pasukan EMRS hendaklah memberikan bantuan terlebih dahulu kepada insiden tersebut.
- 9.1.6. Jentera EMRS tidak boleh digunakan untuk urusan lain daripada kes-kes kecemasan kecuali dengan kebenaran pihak pengurusan.

Bahagian II : Pemadam / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 10 daripada 17

9.1.7. Sekiranya bukan kes kecemasan yang tiada membawa pesakit, lampu beacon dan siren **TIDAK** dibenarkan dipasang.

9.1.8. Jentera EMRS **DILARANG** membawa jenazah.

10. TINDAKAN OPERASI

10.1. Semasa menerima panggilan kecemasan di balai:

10.1.1. Jentera EMRS hendaklah keluar bersama jentera keluaran pertama dengan segera ke tempat kejadian/operasi sebaik sahaja menerima arahan melalui Pusat Pengurusan Operasi (PPO) atau Pusat Gerakan Operasi (PGO) atau Bilik Kawalan.

10.1.2. Penyelia pasukan di balai menentukan samada keluaran EMRS akan digerakkan bersama keluaran lain atau secara bersendirian mengikut jenis panggilan kecemasan.

10.1.3. Sekiranya keanggotaan tidak mencukupi, bilik kawalan balai hendaklah memaklumkan kepada Pusat Gerakan Operasi (PGO) untuk penyelarasaran bantuan pasukan EMRS dari balai lain yang berdekatan.

10.2. Di tempat kejadian/lokasi:

10.2.1. Meletakkan jentera EMRS di lokasi / posisi yang selamat dan strategik.

Bahagian II : Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 11 daripada 17

- 10.2.2. Ketua Keluaran EMRS menerima arahan daripada Komander Operasi / Insiden Komander apabila sampai di tempat kejadian.
- 10.2.3. Sekiranya melibatkan operasi bersama agensi lain, Ketua keluaran EMRS perlu melapor kepada Ketua Pegawai Perubatan dari KKM yang berada di “*Medical Base Station*” untuk penyelarasaran tugas.
- 10.2.4. Ketua Keluaran EMRS hendaklah mengutamakan keselamatan anggota EMRS sepanjang operasi.
- 10.2.5. Membuat pemeriksaan kesihatan mengikut keperluan pada anggota penyelamat sebelum dan selepas operasi.
- 10.2.6. Mengklasifikasikan tahap kecederaan mangsa (*triage*) di tempat kejadian.
- 10.2.7. Menjalankan kerja-kerja perawatan sekiranya ada mangsa. Jika sebaliknya, anggota EMRS perlu melaksanakan operasi pemadaman atau tugas-tugas lain.
- 10.2.8. Mengisi dan merekod secara bertulis “*Borang Maklumat Pesakit*” bagi setiap tindakan ke atas mangsa seperti di **Lampiran 2**.
- 10.2.9. Membantu pihak KKM untuk mendapat maklumat maklumat seperti sejarah perubatan/kesihatan dari mangsa atau ahli keluarga mangsa.

Bahagian II : Pemadam / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 12 daripada 17

- 10.3. Tugas bantuan semasa operasi bencana yang melibatkan tumpahan bahan kimia berbahaya oleh pasukan HAZMAT dan Pasukan Penyelamatan Di Air (PPDA), atau lain-lain pasukan dalam operasi mencari dan menyelamat:
- 10.3.1. Anggota EMRS hendaklah melaksanakan tugas-tugas perawatan dan penyelamatan mangsa di "Red Zone" dalam kes HAZMAT dan runtuhan struktur mengikut Prosedur Operasi Seragam yang berkaitan.
 - 10.3.2. Pasukan EMRS perlu menjalankan kerja-kerja pemeriksaan kesihatan ke atas anggota HAZMAT, anggota PPDA dan pasukan mencari dan menyelamat yang lain serta memberi rawatan kecemasan yang bersesuaian kepada mangsa.
- 10.4. Tindakan perawatan petugas EMRS semasa perjalanan ke hospital adalah:
- 10.4.1. Memberikan rawatan perubatan lanjutan kepada pesakit iaitu merekod bacaan '*vital sign*' mangsa, melakukan CPR, memberhentikan pendarahan, menstabilkan kepatahan spinal atau tulang dan lain-lain tindakan yang difikirkan perlu.
 - 10.4.2. Boleh menghubungi pegawai perubatan untuk khidmat nasihat atau rujukan perubatan menggunakan peralatan komunikasi yang disediakan.
 - 10.4.3. Semasa aktiviti pemindahan pesakit/mangsa menggunakan jentera EMRS, lampu beacon dan siren

Bahagian II : Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
Tarikh Terbitan :	Tarikh Pindaan :
	Muka Surat : 13 daripada 17

hendaklah dipasang sepanjang perjalanan sehingga tiba di hospital.

10.4.4. Keselamatan pasukan dan pesakit hendaklah diutamakan dengan memakai tali pinggang kaledar serta dipakaikan “strapping” dengan rapi kepada pesakit/mangsa.

10.4.5. Memantau keadaan mangsa dari semasa ke semasa sepanjang perjalanan.

10.4.6. Sekiranya pesakit atau mangsa enggan menerima perawatan, pasukan EMRS hendaklah mengisi "Borang Perakuan Menolak Perawatan Oleh Pasukan EMRS" seperti di **Lampiran 3**.

10.5. Pemindahan pesakit ke pusat perubatan;

10.5.1. Memindahkan pesakit ke unit kecemasan hospital yang berdekatan dengan lokasi insiden, “turn out / station ground” balai atau seperti yang diarahkan oleh pihak KKM.

10.5.2. Menyerahkan pesakit kepada pegawai perubatan yang bertugas.

10.5.3. Mengisi dan menyerahkan satu salinan Borang Laporan Maklumat Pesakit seperti di **Lampiran 2** dan satu salinan Borang Penyerahan Mangsa & Barang Awam seperti di **Lampiran 4**.

10.5.4. Ketua Keluaran EMRS hendaklah melaporkan ke PGO apabila mangsa setelah diserahkan kepada pihak hospital.

Bahagian II : Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 14 daripada 17

10.6. Orang awam bukan mangsa atau pesakit yang dibenarkan menaiki kenderaan EMRS termasuklah:

10.6.1. Sekiranya mangsa/pesakit adalah dewasa hanya seorang sahaja orang dari kalangan keluarga, penjaga atau kenalan yang dibenarkan menaiki jentera EMRS bagi menemani mangsa/pesakit ke hospital.

10.6.2. Sekiranya mangsa/pesakit adalah kanak-kanak, salah seorang daripada ibubapa atau penjaga boleh menemani mangsa/pesakit untuk ke hospital.

10.7. Penyerahan harta / barang kepunyaan mangsa/pesakit hendaklah diserahkan kepada pihak polis melalui Borang Penyerahan Mangsa & Barang Awam seperti di **Lampiran 4**.

10.8. Ketua pasukan EMRS hendaklah melengkapkan “Borang Pelepasan Tanggungjawab Pasukan EMRS” seperti di **Lampiran 5**.

10.9. Selepas Operasi

10.9.1. Kembali ke balai dan melaporkan kepada PGO.

10.9.2. Mengemas dan membersihkan peralatan dan jentera EMRS.

10.10. Pengesahan kematian seseorang hanya boleh dibuat oleh Pegawai Perubatan/Doktor.

Bahagian II : Pemadam / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 15 daripada 17

10.11. Talian Bantuan Nasihat Perubatan "Online Medical Direction"

- 10.11.1. "Online Medical Direction" digunakan untuk mendapatkan bantuan nasihat dan pandangan pegawai perubatan dari KKM dengan menghubungi talian yang disediakan untuk melaksanakan perawatan di tempat kejadian.
- 10.11.2. "Online Medical Direction" juga boleh digunakan untuk mendapatkan bantuan nasihat dan pandangan dari pegawai EMRS yang berpengalaman dan dilantik oleh Jabatan.
- 10.11.3. Panggilan boleh dibuat samada melalui PPO, PGO, *Medical Emergency Command Centre (MECC)* atau terus kepada pegawai perubatan untuk mendapatkan maklumat atau nasihat perubatan.
- 10.11.4. Anggota EMRS boleh menggunakan alat komunikasi yang disediakan seperti GIRN / telefon bimbit / telefon.

10.12. Penamatan Operasi

- 10.12.1. Ketua Keluaran EMRS bertanggunjawab untuk memastikan tindakan-tindakan berikut sebelum menamatkan suatu operasi:
 - i. Memastikan semua anggota EMRS telah keluar dengan selamat dari tempat operasi.
 - ii. Memaklumkan kepada Komander Operasi bahawa tugas perawatan kecemasan telah selesai dilakukan.

Bahagian II : Pemadaman / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 16 daripada 17

11. ARAHAN KESELAMATAN / ARAHAN AM

11.1. Arahan Keselamatan.

11.1.1. Pakaian Perlindungan Diri

Memakai pakaian perlindungan yang sesuai apabila memberi rawatan atau membantu memberi rawatan.

11.1.2. Suntikan Imunisasi / Vaksin

Setiap anggota EMRS perlu diberikan suntikan imunisasi / vaksin Hepatitis, Influenza dan Maninegococcus atau lain-lain suntikan yang perlu mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh KKM.

11.1.3. Pemeriksaan Kesihatan

Setiap anggota EMRS perlu menjalani Pemeriksaan Perubatan setiap tahun di Hospital Kerajaan dan perlu mendapatkan pengesahan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

11.2. Arahan Am

Arahan yang perlu dipatuhi adalah seperti:- :

11.2.1. Anggota EMRS hendaklah memakai pakaian seragam celoreng lengkap semasa bertugas dengan "badge" EMRS atau menggunakan vest 'EMRS' di belakangnya;


Bahagian II : Pemadam / Menyelamat	TERHAD
Subjek : Perkhidmatan Penyelamatan Dan Perawatan Kecemasan Bersama Jentera EMRS	No POS : 2.6
	Tarikh Pindaan :
Tarikh Terbitan :	Muka Surat : 17 daripada 17

11.2.2. Anggota EMRS hendaklah memakai pakaian perlindungan diri yang sesuai mengikut jenis operasi; dan

11.2.3. Pemandu jentera EMRS hendaklah mempunyai Lesen Memandu Malaysia yang sah dan dilantik secara rasmi oleh Pengarah Bomba Negeri;

12. TARIKH KUATKUASA

Prosedur Operasi Seragam ini berkuatkuasa bermula dari tarikh dikeluarkan.



(DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ IBRAHIM)
 Ketua Pengarah,
 Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

Tarikh: 1 April 2014


































JENTERA EMRS

CHECKLIST PERALATAN

TAHUN : TOYOTA HIACE SLWB
BULAN :
MODEL :
CHASSIS NO :
REGISTRATION NO :

NO	ITEM	KUANTITI	TARIKH PASUKAN (A/B/C)	SHIFT													
					AM	PM	AM										
1	Upper Limb	2 Sets S, M, L															
2	Lower Limb	2 Sets S, M, L															
3	Head Immobilizer																
4	Traction Splint																
5	Cervical Collar	1 set 4 sizes															
6	Pelvic Immobilizer	2 sets															
7	Arm Immobilizer	2 sets															
8	Spinal Board	1 unit															

NO	ITEM	KUANTITI	TARIKH PASUKAN (A/B/C) SHIF									
				AM	PM	AM	PM	AM	PM	AM	PM	
16	Bag Valve Mask	2 pcs, sizes 2 & 3										
17	Disposable Mouth Gag	1 pc										
18	High Flow Mask Andm Nasal Prog	1 pc Child & Adult										
WOUND MANAGEMENT SETS												
19	Basic Dressing Sets	5 pcs										
20	Elastic (Crepe) Bandage	2 Pcs (5cm & .5cm)										
21	Abdominal Gauze	2 pcs										
22	Wool Bandage	4 pcs										

NO	ITEM	KUANTITI	TARIKH		PASUKAN (A/B/C)		TARIKH		PASUKAN (A/B/C)		TARIKH		PASUKAN (A/B/C)		TARIKH		PASUKAN (A/B/C)		TARIKH		PASUKAN (A/B/C)	
			SHIF	AM	PM	AM	PM	AM	PM	AM	PM	AM	PM	AM	PM	AM	PM	AM	PM	AM	PM	
29	Sterile Disposable Gloves	2 pairs																				
30	Eye Protection (Google / Face Shield)	2 Pair																				
32	N95 Masks	4 pieces																				
33	Disposable Apron	2 pcs																				
34	Disposable Surgical Gown	2 pcs																				
35	Disposable Shoes Cover	2 pairs																				

NO	ITEM	KUANTITI	TARIKH PASUKAN (A/B/C) SHIF								
				AM	PM	AM	PM	AM	PM	AM	PM
36	Disinfectant Hand Wash	1 btfl									
37	Scalpel Blades	2 Pcs (Size 3 & 4)									
38	Sutures	2 Pcs									
39	Rescue Scissors	1 pcs									
40	Suture Scissors	1 pcs									
41	Headlight	1 pc									
42	Torch Light	1 pc									
43	Handheld Searchlight	2 units									
44	Ambulance Stretcher	1 unit									
45	Triage Cards in 4 Colours & Laminated	1 Box									

BORANG PENGESAHAN PEMERAWAI PEMERIKSA JENTERA EMRS

(Pengesahan Ketua Balai)

(Tarikh)

BORANG PEMERIKSAAN JENTERA EMRS



**BORANG LAPORAN MAKLUMAT PESAKIT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA**

Balai :	Tarikh :	Masa Tiba :	Aduan Pesakit :																														
Alamat Kejadian :																																	
Nama Pesakit :		Kad Pengenalan :																															
Umur :	Tinggi :	Berat :	Jantina : <input type="checkbox"/> L <input type="checkbox"/> P																														
Bangsa : <input type="checkbox"/> Melayu <input type="checkbox"/> Cina <input type="checkbox"/> India <input type="checkbox"/> Iban <input type="checkbox"/> Lain-lain _____		Agama : <input type="checkbox"/> Islam <input type="checkbox"/> Kristian <input type="checkbox"/> Buddha <input type="checkbox"/> Hindu <input type="checkbox"/> Lain-lain _____																															
Maklumat Perubatan Pesakit <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 5px;"> <tr> <th colspan="2">Tanda-tanda & Simptom :</th> <th>Alahan :</th> <th>Ubat-ubatan :</th> <th>Sejarah Kesihatan :</th> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Pernafasan</td> <td><input type="checkbox"/> Bengkak</td> <td colspan="2"></td> <td></td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Muntah</td> <td><input type="checkbox"/> Pucat</td> <td colspan="2"></td> <td></td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Pendarahan</td> <td><input type="checkbox"/> Dada</td> <td colspan="2"></td> <td></td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Kepala</td> <td><input type="checkbox"/> Letih</td> <td colspan="2"></td> <td></td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Hidrasi</td> <td><input type="checkbox"/> Lain-lain</td> <td colspan="2"></td> <td></td> </tr> </table>				Tanda-tanda & Simptom :		Alahan :	Ubat-ubatan :	Sejarah Kesihatan :	<input type="checkbox"/> Pernafasan	<input type="checkbox"/> Bengkak				<input type="checkbox"/> Muntah	<input type="checkbox"/> Pucat				<input type="checkbox"/> Pendarahan	<input type="checkbox"/> Dada				<input type="checkbox"/> Kepala	<input type="checkbox"/> Letih				<input type="checkbox"/> Hidrasi	<input type="checkbox"/> Lain-lain			
Tanda-tanda & Simptom :		Alahan :	Ubat-ubatan :	Sejarah Kesihatan :																													
<input type="checkbox"/> Pernafasan	<input type="checkbox"/> Bengkak																																
<input type="checkbox"/> Muntah	<input type="checkbox"/> Pucat																																
<input type="checkbox"/> Pendarahan	<input type="checkbox"/> Dada																																
<input type="checkbox"/> Kepala	<input type="checkbox"/> Letih																																
<input type="checkbox"/> Hidrasi	<input type="checkbox"/> Lain-lain																																
		Klasifikasi : <input type="checkbox"/> Trauma <input type="checkbox"/> Medical																															
Makanan Yang Dimakan Pesakit Sebelum Kejadian		Aktiviti Pesakit Sebelum Kejadian		Tindakan : <input type="checkbox"/> Oksigen <input type="checkbox"/> C-Kollar/KED <input type="checkbox"/> CPR <input type="checkbox"/> Splint <input type="checkbox"/> Pendarahan <input type="checkbox"/> Lain-lain																													
Tahap Kesedaran: <input type="checkbox"/> Sedar <input type="checkbox"/> Separa Sedar <input type="checkbox"/> Lisan <input type="checkbox"/> Sentuhan <input type="checkbox"/> Sakit <input type="checkbox"/> Tidak Sedar		Jenis Kecederaan : <input type="checkbox"/> Kemalangan Industri <input type="checkbox"/> MVA <input type="checkbox"/> Luka <input type="checkbox"/> Kepatahan <input type="checkbox"/> Melecur/Terbakar <input type="checkbox"/> Jatuh <input type="checkbox"/> Lemas <input type="checkbox"/> Keracunan <input type="checkbox"/> Gigitan Berbisa <input type="checkbox"/> Bergaduh <input type="checkbox"/> PDOA <input type="checkbox"/> Lain-lain		Tahap Rawatan : <input type="checkbox"/> Pertama <input type="checkbox"/> Kedua <input type="checkbox"/> Ketiga <input type="checkbox"/> Keempat <input type="checkbox"/> Tidak Perlu																													
Tahap Kecederaan : <input type="checkbox"/> Berkurang <input type="checkbox"/> Tiada Perubahan <input type="checkbox"/> Bertambah				Paru-paru : Normal (L) (R) Besar (L) (R) Kecil (L) (R)																													
VITAL SIGN : <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 5px;"> <tr> <td>Masa</td> <td>BP</td> <td>Nadi</td> <td>Nafas</td> <td>Kulit</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/></td> <td><input type="checkbox"/></td> <td><input type="checkbox"/></td> <td><input type="checkbox"/></td> <td><input type="checkbox"/></td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/></td> <td><input type="checkbox"/></td> <td><input type="checkbox"/></td> <td><input type="checkbox"/></td> <td><input type="checkbox"/></td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/></td> <td><input type="checkbox"/></td> <td><input type="checkbox"/></td> <td><input type="checkbox"/></td> <td><input type="checkbox"/></td> </tr> </table>		Masa	BP	Nadi	Nafas	Kulit	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Bantuan Pernafasan : <input type="checkbox"/> O2 (liter/min _____) <input type="checkbox"/> N/Canula <input type="checkbox"/> Non-rebreather <input type="checkbox"/> Mask <input type="checkbox"/> BVM <input type="checkbox"/> OPA / NPA (Saiz: _____)		AED : (masa : _____) <input type="checkbox"/> Orang Awam <input type="checkbox"/> Ambulan									
Masa	BP	Nadi	Nafas	Kulit																													
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>																													
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>																													
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>																													
Mekanism : <input type="checkbox"/> Patah <input type="checkbox"/> Jatuh >15' <input type="checkbox"/> Terpelanting				ECG : Masa : _____ Jenis : _____ L/min : _____																													

Lampiran 2

Setibanya di tempat kejadian :			
Untuk Kegunaan Hospital	Nama Penerima : Tandatangan :		Cop rasmi :
Hospital :			
Tarikh :			
Masa :			

**AED – Automatic External Defibrillator

**ECG – Echocardiography

LAPORAN RINGKAS KESELURUHAN KEJADIAN DAN PESAKIT:

(Pengesahan Petugas/Pegawai)

Nama :

Tarikh :



**BORANG PERAKUAN MENOLAK PERKHIDMATAN PERAWATAN
OLEH PASUKAN EMRS
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Butiran Pesakit:

Nama Pesakit			
Umur		No Kad Pengenalan	
Alamat			

- SAYA** telah diterangkan oleh anggota EMRS bertugas mengenai kepentingan perawatan atau pemeriksaan dan pengankutan ke hospital untuk menerima rawatan lanjut. **SAYA** juga diterangkan mengenai risiko jika **SAYA** enggan menerima perawatan atau pemeriksaan dan pengankutan ke hospital untuk menerima rawatan lanjut tersebut.
- Tandakan jenis perawatan yang ditolak oleh pesakit atau waris atau penjaga.

Keengganan menjalani pemeriksaan atau diberikan perawatan oleh anggota EMRS bertugas.

Keengganan di bawa ke hospital untuk menjalani rawatan lanjut.

- Nama hospital destinasi pasukan EMRS untuk pesakit:

- Justifikasi pemilihan hospital destinasi oleh pasukan EMRS:

Hospital destinasi berdekatan dengan lokasi kejadian dan berkemampuan untuk memberikan perawatan yang diperlukan oleh pesakit.

Mematuhi online medical direction

- Sebab keengganan dibawa ke hospital destinasi pasukan EMRS

SAYA dengan ini melepaskan Jabatan Bomba dan Penyelamat dan anggota EMRS daripada sebarang tanggungjawab atau liabiliti di atas keputusan **SAYA** di atas.

.....
Tandatangan Pesakit atau Waris

.....
No Kad Pengenalan

.....
Tarikh

.....
Nama dan tandatangan Anggota EMRS

.....
No Kad Pengenalan

.....
Tarikh

.....
Nama dan tandatangan Saksi

.....
No Kad Pengenalan

.....
Tarikh



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
BORANG PENYERAHAN MANGSA DAN KEPUNYAAN MANGSA
(Diisikan sebanyak 3 salinan)

1. Jenis Kecemasan : _____ Bil : _____

2. Alamat : _____

3. Tarikh : _____ Masa : _____

4. Maklumat Mangsa Mati :

Bil.	Keadaan Mangsa	Jantina	Lokasi Asal Mangsa	Jumlah

5. Maklumat Mangsa Cedera :

Bil.	Keadaan Mangsa	Jantina	Lokasi Asal Mangsa	Jumlah

Lampiran 4**6. Maklumat Kepunyaan Mangsa**

Bil	Perihal Barang	Lokasi Asal Barang	Jumlah

PENGESAHAN :

Tandatangan Penyerah : _____

Tandatangan Penerima : _____

Nama : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tarikh / Masa : _____

Tarikh / Masa : _____

Agensi : _____

Agensi : _____

Tandatangan Saksi : _____

Tandatangan Saksi : _____

Nama : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tarikh / Masa : _____

Tarikh / Masa : _____

Agensi : _____

Agensi : _____

TANDATANGAN KOMANDER OPERASI

TARIKH / MASA



**BORANG PELEPASAN TANGGUNGJAWAB OLEH PASUKAN EMRS
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Butiran Pesakit:

Nama Pesakit			
Umur		No Kad Pengenalan	
Alamat			

Butiran waris yang ingin menaiki jentera EMRS:

Nama Waris			
Umur Waris		No Kad Pengenalan	

1. **SAYA** telah dinasihatkan oleh pasukan EMRS bertugas mengenai risiko keputusan **SAYA** untuk menaiki jentera EMRS mengikut pesakit yang tersebut di atas.

1.1. Nama hospital destinasi pasukan EMRS untuk pesakit:

1.2. Risiko yang telah diterangkan oleh pasukan EMRS bertugas kepada **SAYA**:

- Kehadiran waris akan menghadkan ruang perawatan pasukan bertugas oleh itu membahayakan kepada pesakit.
- Dalam situasi kritikal, jentera akan bergerak dengan kelajuan yang tinggi memberikan keutamaan kepada perawatan pesakit. Anggota EMRS terlatih untuk menghadapi situasi risiko kelajuan tinggi seperti ini.
- Jika kemalangan berlaku dalam situasi berkelajuan tinggi, kematian merupakan risiko utama yang dihadapi.

2. Sebab utama untuk menaiki ambulan kecemasan:

SAYA dengan ini melepaskan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dan anggota EMRS yang bertugas daripada sebarang tanggungjawab atau liabiliti di atas keputusan **SAYA** di atas.

.....
Tandatangan Waris atau Penjaga

.....
No Kad Pengenalan

.....
Tarikh

.....
Nama dan tandatangan Anggota EMRS No Kad Pengenalan

.....
Tarikh